

Pengorbanan yang diredhai



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaiton.mohamad@yahoo.com

WB 16.10.2013 B3

SEMEMANGNYA istilah korban bukanlah perkara asing bagi masyarakat Muslim di negara ini. Apatah lagi menjelang hari perayaan yang terbesar di sisi umat Islam iaitu pada bulan Zulhijah yang dikenali sebagai Hari Raya Korban atau Hari Raya Aidiladha.

Hari tersebut adalah antara hari kebesaran dan perayaan yang disambut oleh umat Islam seluruh dunia, walaupun akhir-akhir ini didapati masyarakat mula hilang serinya dalam menyambut kedatangan Hari Raya Aidiladha. Jika direnung, terdapat segelintir daripada umat Islam sendiri mengambil sikap mudah dan tidak membuat sebarang

persiapan dalam menyambutnya. Sedangkan mengikut panduan agama, sambutan perlulah selama empat hari berturut-turut bermula 10 Zulhijah sehinggalah hari Tasyrik ketiga (iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijah). Selama empat hari itu jugalah, umat Islam disunatkan untuk melaungkan Takbir hari raya dengan semangat pengorbanan yang berkobar-kobar.

Semangat pengorbanan merupakan sinonim dengan pengorbanan Nabi Ibrahim dan juga anaknya Nabi Ismail. Baginda merupakan antara nabi Ululazmi yang memppunyai kesabaran yang paling tinggi dalam hidupnya demi menjunjung perintah Allah dan lambang ketaatan sebagai hamba kepada Penciptanya. Dalam kisah pengorbanan baginda yang amat menantikan kelahiran seorang putera setelah lama berkahwin

dengan Siti Sarah yang akhirnya membenarkan berpoligami telah berjaya melahirkan seorang zuriat dengan Siti Hajar, menuntut pengorbanan yang besar di antara suami dan isteri. Walau bagaimanapun sebagai seorang hamba yang bergelar perempuan tidak lekang dek perasaan cemburu kerana kelahiran Ismail telah menambahkan kasih sayang antara Baginda dengan Siti Hajar maka dengan izin Allah dihantarnya mereka berdua ke suatu tempat yang jauh mengambil masa enam bulan menunggang unta akhirnya Siti Hajar dan Ismail ditinggal di Mekah dengan berserah kepada Allah untuk melindungi mereka berdua. Dengan perasaan yang berat hati namun redha dan bertawakkal kepada Allah maka Siti Hajar dan Ismail mula menyesuaikan diri di tempat yang kering kontang dan tidak

berpenghuni sehinggalah Ismail menangis kelaparan dan haus yang memaksa ibunya mencari air. Dengan kuasa Allah selepas penat ibunya mencari sumber air maka Allah telah keluarkan air dari perut bumi di bawah tapak kaki Ismail yang meronta-ronta menangis kerana haus dan kelaparan yang kini dikenali sebagai Air Zam zam yang tidak pernah kering walaupun sudah melangkui ribuan tahun.

Sebagai manusia biasa, kita juga digesa untuk membuat pengorbanan ke arah kebaikan dan sudah pastinya ke jalan Allah. Justeru itu dalam kehidupan yang singkat ini, kita dituntut untuk tidak terlalu mementingkan diri dan sentiasa mengejar kebendaan yang akhirnya meruntuhkan iman dan akidah kepada Allah. Namun begitu dalam dunia yang serba mementingkan kebendaan dan

darjat menyebabkan manusia yang lain sanggup memanipulasikan orang lain dalam mendapat apa yang diimpikan. Waima sanggup mencabut nyawa orang lain demi kegilaan kepada pangkat dan darjat tanpa takut kepada Allah sedangkan pengorbanan amat penting dalam sebuah kehidupan.

Pengorbanan Nabi Ibrahim yang diperintahkan Allah untuk menyembelihkannya anaknya Ismail telah menunjukkan kesabaran dan ketabahan yang kental oleh seorang hamba yang taat kepada penciptanya. Oleh yang demikian sebagai insan biasa kita difuntut untuk mengambil iktibar dan pengajaran mengenai erti sebuah pengorbanan kepada kedua ibu bapa, suami isteri dan sebagainya selagi tidak bercanggah dengan perintah Allah. Justeru itu sudah tentu di sebalik pengorbanan yang dilakukan walaupun pahit

untuk ditelan sudah pasti ada madu yang manis sedang menanti dihujungnya. Justeru itu dalam kehidupan sudah pasti setiap orang menuntut kepada sekecil-kecil pengorbanan sehinggalah sebesar-besar pengorbanan. Namun begitu Allah tidak akan menguji hambanya kecuali dengan adanya ketahanan yang dimiliki oleh seseorang itu mengikut kemampuannya. Justeru itu relakanlah pengorbanan yang akan dilakukan dan berlapang dada dengan ujian yang diturunkan Allah. Sesungguhnya kesolehan dan ketaatan kepada Allah akan mengatasi segala-galanya. Semoga pengorbanan yang telah dan akan dilakukan adalah demi Allah dan berada di landasan yang lurus. Selamat menyambut Hari Raya Aidiladha.

**Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP UMS*